

06 JAN 2001

GOLONGAN IBU HARUS KUASAI IT, KATA LING

BUKIT MERTAJAM, 6 Jan (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini menyeru kepada kaum ibu supaya menguasai pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat (IT) agar dapat mewujudkan generasi yang celik IT pada masa akan datang.

Beliau berkata anak yang berumur dalam lingkungan 3 hingga 10 tahun mudah untuk menguasai sesuatu ilmu yang baru dan ibu-ibu boleh mendedahkan mereka kepada ilmu IT.

Ketika berucap pada majlis mengangkat sumpah 22 cawangan baru MCA di Bukit Mertajam malam ini, beliau mahu golongan wanita negara ini mencontohi ibu-ibu di Korea yang mahir dalam bidang IT dan boleh mendidik anak mereka menguasai bidang itu.

Dr Ling berkata di bawah Projek Langkawi MCA telah menubuhkan Kelab Siber pada tahun lalu bagi memupuk minat generasi muda terhadap IT.

Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata melalui Kolej Tunku Abdul Rahman yang ditubuhkan pada 1999, sebanyak 90,000 graduan terutama golongan berpendapatan rendah berjaya menamatkan pengajian mereka.

Dengan penubuhan 22 cawangan baru itu, MCA bahagian Bukit Mertajam kini mempunyai 57 cawangan.

-- BERNAMA

ZU RV FAZ